

Latihan 2

Tukarkan ayat bersusunan songsang di bawah supaya menjadi ayat bersusunan biasa.

1. Dirobohkan oleh pekerja bangunan lama di pinggir bandar.

Ayat bersusunan biasa:

2. Keadaan banjir semakin surut pemberita melaporkan.

Ayat bersusunan biasa:

3. Pada hari raya pertama kami berkumpul di rumah nenek di kampung.

Ayat bersusunan biasa:

4. Sungguh petah berbicara peserta pertandingan pidato itu.

Ayat bersusunan biasa:

5. Kerana rasanya yang enak, keropak lekor sangat popular di Terengganu.

Ayat bersusunan biasa:

6. Disebabkan hujan lebat yang berterusan, negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir.

Ayat bersusunan biasa:

7. Sangat tinggi murid lelaki di kelas itu.

Ayat bersusunan biasa:

8. Manis-manis belaka buah rambutan itu.

Ayat bersusunan biasa:

9. Menyepak bola abang di padang.

Ayat bersusunan biasa:

10. Belum menonton Razak filem itu.

Ayat bersusunan biasa:

11. Rumah Mei Wen saya pergi untuk mengulang kaji pelajaran.

Ayat bersusunan biasa:

12. Sedang memasak kari ikan Mak Long di dapur.

Ayat bersusunan biasa:

13. Belum bersusun buku-buku di atas meja itu.

Ayat bersusunan biasa:

14. Di Kolej itu Rosli sedang belajar.

Ayat bersusunan biasa:

15. Berkejar-kejar budak-budak itu di taman permainan dengan riangnya.

Ayat bersusunan biasa: